

DATE: 16/04/2008

Pendapat

Generasi muda mesti sedar ketuanan Melayu

TITAH ucapan secara berani Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faris Petra ketika merasmikan Perhimpunan Perpaduan Melayu sempena Maulidur Rasul baru-baru ini tentang kepentingan perpaduan Melayu adalah isyarat kepada semua pihak bahawa kelangsungan ketuanan Melayu berkait rapat dengan perpaduan bangsa itu sendiri.

Tanpa mengetepikan kepentingan kaum lain, masa depan Malaysia yang berbilang kaum adalah sangat bergantung kepada perpaduan Melayu. Dalam erti kata lain, perpaduan Melayu adalah teras perpaduan negara.

Sebagai tonggak kedaulatan Melayu, titah Tengku Mahkota Kelantan itu menggambarkan kesedaran tokoh muda dalam institusi Raja-Raja Melayu untuk melihat perpaduan di kalangan orang Melayu itu sendiri perlu dipelihara. Ini supaya tiada pihak lain cuba mengambil kesempatan atas sengketa yang berlaku hingga runtuhnya kuasa politik, ekonomi, ketuanan dan kedaulatan Melayu.

Justeru, seluruh lapisan masyarakat seawajarnya memandang serius saranan baginda itu terutama masyarakat Melayu.

Bagi generasi tua, mereka harus bijak mencaturkan negara supaya masa depan bangsa tidak akan hancur akibat kesila-

pan dalam sebarang tindakan. Manakala generasi muda pula perlu mengetahui dan memahami sejarah bangsa Melayu berabad-abad yang lalu hingga kini.

Generasi muda Melayu perlu mengetahui kepentingan perpaduan, sejarah kejatuhan kerajaan Melayu dan ancaman terhadap ketuanan Melayu yang ada di mana-mana sama ada dari dalam negara, mahupun luar negara.

Lebih-lebih lagi Melayu itu dikaitkan dengan Islam seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Maka sudah pasti musuh Melayu, juga adalah musuh Islam yang bersifat sejagat dan senantiasa berusaha menjatuhkan pengaruh Islam.

Cabaran masa depan Melayu yang semakin kompleks memperlihatkan betapa bangsa Melayu perlu bijak dalam mempertahankan ketuannya.

Bermula dengan institusi raja-raja, diikuti dengan kekuatan politik, ekonomi serta tahap intelektualnya. Jika kita berpadu dalam semua aspek ini, barulah kedaulatan dan ketuanan itu dapat terpelihara selamanya.

Namun, apakah generasi muda mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang secukupnya dalam semua aspek ini? Inilah persoalan yang amat membimbang-

kan kerana orang Melayu sebenarnya masih belum bersedia untuk menerima keadaan seandainya ketuanan mereka hilang sama ada secara langsung atau sebaliknya.

Senario pascapilihan raya umum lalu telah memberi ruang yang begitu besar untuk bangsa Melayu memikirkan, mampukah mereka mempertahankan ketuanan pada masa depan.

Kesan Pilihan Raya Umum Ke-12 memperlihatkan tragedi kepada orang Melayu yang mungkin tidak pernah terfikir oleh kita sebelum ini.

Orang Melayu menunjukkan protes dalam pilihan raya akibat kemarahan, rasa tidak puas hati dengan kepimpinan politik Melayu.

Penubuhan sesetengah kerajaan negeri juga belum tentu memberi kuasa mutlak kepada orang Melayu.

Akibatnya terdapat tindakan dan keputusan yang menggugat kesejahteraan orang Melayu. Krisis dalam UMNO yang pernah menjadi wadah utama perjuangan Melayu kelihatan kian menebal sehingga menjadi tatapan buaya di air tenang.

Oleh yang demikian, kita tidak boleh lagi menyingkap punca perpecahan dan perbalahan Melayu itu sendiri.

Sebaliknya Melayu yang masih berkuasa

perlu menyusun strategi dan bertindak segera memperbaiki keadaan. Jika kita terpaksa berkorban demi perpaduan Melayu, maka pengorbanan itu mesti dilakukan.

Melayu di Malaysia perlu melihat se-dalam-dalamnya rumpun Melayu di negara sekelilingnya.

Apa yang pasti, sebesar mana jumlah mereka sekalipun, mereka didominasi oleh orang lain. Amat sukar untuk diperbetulkan kerana tindak-tanduk mereka akan menggunakan apa jua kelecikan, kebijaksanaan, malah kekerasan sekalipun untuk mendominasi pemerintahan. Kuasa yang terlepas belum tentu dirampas semula dalam tempoh yang singkat.

Maka adalah sewajarnya lontaran titah Tengku Mahkota Kelantan itu diberi perhatian serius, dikupas dan diambil tindakan segera walau dengan apa cara sekalipun.

Kepada semua orang Melayu yang darah keturunannya adalah Melayu sebenar, tetapi dan kenangilah anak cucu dan generasi akan datang supaya Melayu itu benar-benar menjadi tuan di tanah air sendiri.

NORDIN ABDUK MALEK
Ipoh, Perak.